

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

ZSE 374/3 - Penderiaan Jauh

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Perihalkan kesan-kesan atmosfera yang mempengaruhi penderiaan jauh di dalam rantau cahaya nampak. (50/100)
- (b) Bincangkan kepantulan spektrum bagi tumbuhan, tanah dan air. (50/100)
2. (a) Banding serta bezakan penderia satelit yang menggunakan tenaga gelombang mikro aktif dan penderia-penderia yang bergantung kepada tenaga di dalam sinar nampak dan inframerah terma. (50/100)
- (b) Perihalkan ciri-ciri corak permukaan bumi yang mempengaruhi kembalian radar. (50/100)
3. Tulis nota ringkas tentang perkara berikut
- (a) pengesan-pengesan tenaga terma (25/100)
- (b) sistem SLAR (25/100)
- (c) fotografi inframerah (25/100)
- (d) satelit ADEOS (25/100)
4. (a) Jelaskan bagaimana anda menggunakan data TM untuk pemetaan batimetri. Apakah keadaan-keadaan persekitaran untuk menjayakan kaedah ini? (50/100)
- (b) Apakah sifat-sifat awan yang boleh dikesan oleh imej AVHRR. Jelaskan dengan ringkas analisis pengelasan awan menggunakan imej AVHRR. (50/100)

...2/-

5. (a) Corak suhu permukaan laut boleh dipetakan dengan teknik penderiaan jauh. Jelaskan dengan ringkas pemilihan data penderiaan jauh dan analisis yang terlibat untuk kajian ini. (50/100)
- (b) Perihalkan pemprosesan geometri bagi data penderiaan jauh. (50/100)

- oooOooo -